



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**KERTAS KONSEP KEPIMPINAN DISTRIBUTIF PENGETUA,
KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL VIRTUAL,
MOTIVASI, DAN KEPIMPINAN GURU SEKOLAH MENENGAH
DI NEGERI SABAH**

*CONCEPT PAPER OF PRINCIPAL DISTRIBUTIVE LEADERSHIP, VIRTUAL
PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY, MOTIVATION, AND LEADERSHIP
OF SECONDARY SCHOOL TEACHERS IN SABAH STATE*

Arzizul Antin^{1*}, Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli^{2*}

¹ Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: azizulantin@ums.edu.my

² Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: dndz@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 24.07.2024

Revised date: 08.08.2024

Accepted date: 29.08.2024

Published date: 18.09.2024

To cite this document:

Antin, A., & Dzulkifli, D. N. A. K. (2024). Kertas Konsep Kepimpinan Distributif Pengetua, Komuniti Pembelajaran Profesional Virtual, Motivasi, Dan Kepimpinan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 9 (55), 187-196.

DOI: 10.35631/IJEPC.955011

Abstrak:

Kertas konsep ini membincangkan empat variabel iaitu kepimpinan distributif pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual, motivasi dan kepimpinan guru sekolah menengah di negeri Sabah. Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk kajian bukan eksperimen. Kaedah kajian yang akan digunakan pula adalah kaedah tinjauan. Seramai 375 orang guru sekolah menengah di seluruh negeri Sabah akan terlibat sebagai sampel kajian yang dipilih menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Data mentah yang diperolehi dengan menggunakan instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan ujian Korelasi Pearson dan Regresi Berganda menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) serta Analisis Laluan menggunakan perisian AMOS (*Analysis Moment of Structure*). Kajian ini sangat penting untuk dijalankan kerana dapatan yang akan diperolehi nanti akan menjelaskan aspek-aspek yang akan mempengaruhi kepimpinan guru sekolah menengah di negeri Sabah dan langkah-langkah yang sepatutnya bolehlah diambil untuk memperkasa profesion keguruan dan meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara khususnya daripada aspek kepimpinan guru.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Kepimpinan Distributif Pengetua, Kepimpinan Guru, Komuniti Pembelajaran Profesional Virtual, Motivasi Guru.

Abstract:

This concept paper discusses four variables which are the principal's distributive leadership, virtual professional learning community, motivation and leadership of secondary school teachers in the state of Sabah. The approach that will be used in this study is a quantitative approach and non-experimental research design. The research method that will be used is the survey method. A total of 375 secondary school teachers throughout the state of Sabah will be involved as a study sample selected using a simple random sampling technique. The raw data obtained by using the questionnaire instrument will be analyzed using the Pearson Correlation test and Multiple Regression using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) as well as Path Analysis using AMOS (Analysis Moment of Structure) software. This study is very important to be conducted because the findings that will be obtained later will explain the aspects that will affect the leadership of secondary school teachers in the state of Sabah and the actions that should be taken to empower the teaching profession and improve the effectiveness of the national education system, especially from the aspect of teacher leadership.

Keywords:

Principal Distributive Leadership, Teacher Motivation, Teacher Leadership, Virtual Professional Learning Community.

Pengenalan

Reformasi dalam sistem pendidikan Malaysia bertujuan untuk memastikan sistem pendidikan negara kita setanding dengan sistem pendidikan terbaik dunia dan mampu menyediakan segala kemudahan dan keperluan kepada para murid agar dapat menjadi modal insan yang berdaya saing, berkualiti dan mampu berhadapan dengan cabaran dunia sebenar (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, 2013). Dalam melahirkan murid yang berdaya saing ini, guru merupakan barisan utama yang memikul tanggungjawab besar tersebut. Dalam perkembangan dunia yang sangat pantas pada masa ini, guru bukan sahaja memainkan peranan sebagai ketua di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, bahkan memainkan peranan penting dalam pelbagai tanggungjawab di sekolah. Oleh itu, para guru haruslah mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran baharu seiringan dengan perkembangan globalisasi agar dapat meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah (Kamaruzaman, Musa, & Hashim, 2020). Secara umumnya tanggungjawab atau tugas guru terbahagi kepada dua iaitu tugas akademik dan tugas bukan akademik. Tanggungjawab guru dalam pelbagai tugas ini akan menguji tahap kepimpinan guru tersebut. Kepimpinan guru bukan hanya dilihat daripada kepimpinan mengajar di dalam kelas tetapi turut dilihat daripada kepimpinan guru dalam aspek-aspek lain yang akan membawa kepada kecemerlangan sekolah.

Pernyataan Masalah

Gelombang ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2021-2025 (Guru dan Pemimpin Sekolah) menjelaskan tentang keperluan mewujudkan budaya kecemerlangan profesionalisme berasaskan teladan rakan setugas iaitu guru membimbing dan mendorong

antara satu sama lain, berkongsi amalan terbaik dan memastikan rakan setugas bertanggungjawab menepati standard profesional (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2-25, 2013). Namun begitu, terdapat isu yang timbul dalam merealisasikan hasrat kementerian dalam gelombang ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2021-2025 iaitu penggunaan istilah kepimpinan guru masih agak asing dan kurang diguna pakai di sekolah sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah, mahupun Sarawak. Selain itu, peranan dan fungsinya juga masih belum difahami sepenuhnya (Ngang & Sulermutyrean, 2015; Cheung, Reinhardt, Stone, & Little, 2018) kerana ketaksaan konsep kepimpinan guru tersebut (Ab Rahim, A. Ghani, Abd. Hamid, Samsudin, & Ismail, 2021). Selain itu, guru juga kurang bersedia untuk menggalas tugas sebagai pemimpin dan belum memiliki kesedaran untuk mempelajari konsep kepimpinan guru (Ab Rahim & rakan-rakan, 2021).

Dalam konteks kepimpinan pengetua pula, masih terdapat pengetua yang kurang memahami konsep kepimpinan distributif (Yaakub & Mohd Hamzah, 2020) dan masih kabur dalam mentadbir sebagai pemimpin distributif kerana kekurangan pengalaman dan pengetahuan kerana mereka tidak bersedia dengan tugas pentadbiran luar jangka, ketidaksediaan mengurus, dan pemerolehan sumber yang tidak menepati keperluan (Yusaini Yaakub & Mohd Hamzah, 2020). Selain itu, terdapat pengetua yang masih mengamalkan kepimpinan tradisional dan tidak bersedia berkongsi tanggungjawab kepimpinan dengan para guru (Kamaruzaman, Musa, & Hashim, 2020).

Komuniti pembelajaran profesional virtual bukanlah mudah untuk dilaksanakan kerana terdapat dalam guru masih kurang pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi iaitu aplikasi yang diperlukan untuk bersemuka secara atas talian seperti *google meet*, *webex*, *zoom*, *Microsoft team* dan sebagainya (Atkins, Koroluk, & Stranach, 2017). Selain itu, budaya bekerja secara individu atau budaya pengasingan guru telah menjadi tradisi dalam sistem pendidikan di kebanyakan negara termasuklah di negara kita (Ismail, Ishak, Yuet, & Kamaruddin, 2019) sedangkan guru-guru seharusnya sedar komuniti pembelajaran profesional merupakan platform yang memberi peluang kepada guru dan pengetua untuk berkolaborasi (Hairon & Tan, 2017).

Reformasi pendidikan ditambah lagi dengan penularan wabak pandemik Covid-19 telah memberi kesan terhadap motivasi guru (Rapanta, Botturi, Goodyear, Guardia, & Koole, 2020; Kagema, 2018). Tugas guru yang semakin bertambah seiringan dengan perkembangan pendidikan masa ini memberi kesan terhadap motivasi guru. Motivasi guru pula terganggu kerana banyak input yang perlu difahami oleh guru sedangkan dalam masa yang sama mereka juga mempunyai tanggungjawab lain selain daripada tanggungjawab dalam pekerjaan. Misalnya, menguruskan hal berkaitan dengan keluarga, diri sendiri, rakan-rakan dan sebagainya. Jika tidak ditangani dengan berkesan, tugas guru yang semakin mencabar ini akan melahirkan perasaan gelisah, marah, kecewa dan tidak puas hati dalam kalangan guru (Hong & Ismail, 2015).

Objektif Kajian

Kajian ini akan dijalankan bagi mencapai objektif-objektif yang berikut:

1. Mengetahui tahap kepimpinan guru, kepimpinan distributif pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual, dan motivasi guru sekolah menengah di Sabah.
2. Mengkaji hubungan kepimpinan distributif pengetua dengan motivasi guru sekolah menengah di Sabah.

3. Mengkaji hubungan kepemimpinan distributif pengetua dengan kepemimpinan guru sekolah menengah di Sabah.
4. Mengkaji hubungan komuniti pembelajaran profesional virtual dengan motivasi guru sekolah menengah di Sabah.
5. Mengkaji hubungan komuniti pembelajaran profesional virtual dengan kepemimpinan guru sekolah menengah di Sabah.
6. Mengkaji hubungan motivasi dengan kepemimpinan guru sekolah menengah di Sabah.
7. Mengkaji pengaruh kepemimpinan distributif pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual, dan motivasi terhadap kepemimpinan guru sekolah menengah di Sabah.
8. Mengkaji peranan motivasi guru sebagai mediator antara kepemimpinan distributif pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual dengan kepemimpinan guru sekolah menengah di Sabah.

Definisi Operasional

Kepimpinan Guru

Abu Bakar, Basri dan Fooi (2015) menjelaskan kepemimpinan guru merupakan kepemimpinan yang ditunjukkan oleh semua guru yang bersedia untuk belajar, meneroka kemampuan sedia ada dan bersedia untuk menerima kualiti kepemimpinan yang lebih baik. Dalam kajian ini, kepemimpinan guru merangkumi:

Kesedaran Diri

Guru seharusnya memiliki kesedaran diri yang tinggi daripada pelbagai aspek seperti nilai, falsafah dan tingkah laku.

Memimpin Perubahan

Guru haruslah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan sebarang tugas di sekolah dan mampu untuk memimpin rakan guru yang lain, pentadbir, dan murid-murid ke arah perubahan yang memberi manfaat kepada sekolah.

Komunikasi

Guru haruslah mampu untuk guru untuk mempamerkan kemahiran mendengar yang berkesan, komunikasi lisan, kemahiran pembentangan, dan kemahiran komunikasi secara tulisan.

Kepelbagaian

Kepelbagaian merujuk kepada keupayaan guru untuk mengekalkan hubungan baik dengan warga sekolah dan menghormati pendapat, pandangan atau perspektif para guru yang berbeza-beza.

Pengajaran dan Pembelajaran

Guru perlulah menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran profesional yang dimiliki oleh mereka untuk menawarkan murid dan rakan sekerja peluang pembelajaran yang lebih berkesan.

Penambahbaikan Berterusan

Penambahbaikan berterusan merujuk kepada penglibatan guru bersama-sama rakan sejawat dalam melaksanakan proses merancang, melaksana, dan menyemak sistem persekolahan yang membawa kepada reformasi dan penambahbaikan sekolah.

Organisasi Diri

Guru seharusnya mempunyai semangat dan kebolehan yang tinggi dalam memastikan peningkatan dan keberkesanan sekolah berada pada tahap maksimum. Guru juga sepatutnya mampu mengerakkan dirinya dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri agar mampu memacu sekolah ke arah kecemerlangan.

Kepimpinan Distributif Pengetua

Azhar dan rakan-rakan (2016) menjelaskan kepimpinan distributif merupakan kepimpinan yang mengandungi aspek teori kepimpinan popular yang lain. Kepimpinan distributif melibatkan satu pengagihan kerja, kuasa, tanggungjawab dan bidang daripada pemimpin kepada kakitangan dibawah seliaan mereka. Dalam konteks kajian ini, kepimpinan distributif pengetua merujuk kepada:

Penetapan dan Perkongsian Misi, Visi dan Matlamat Sekolah

Penetapan visi, misi dan matlamat amat bermakna bagi sesebuah sekolah kerana visi, misi, dan matlamat sekolah memberikan sekolah tersebut arah tuju dan penentuan visi, misi, dan matlamat sekolah haruslah jelas dan dapat mencerminkan nilai-nilai pendidikan yang menyokong hala tuju sistem pendidikan negara.

Budaya Sekolah

Budaya sekolah terbentuk sepanjang sejarah sekolah tersebut ditubuhkan yang merangkumi aspek-aspek seperti kepercayaan, nilai dan amalan sekolah (Gordon, 2005). Budaya sekolah akan menentukan corak kepimpinan pengetua kerana setiap budaya yang diamalkan di sekolah memerlukan pendekatan kepimpinan yang berbeza-beza.

Perkongsian Tanggungjawab

Pengetua berkongsi tanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan membuat keputusan dengan para guru dengan merujuk kepada kebolehan, kemahiran, pengalaman dan kepakaran guru-guru di sekolah.

Amalan Kepimpinan

Amalan Kepimpinan merujuk kepada cara bagaimana pengetua menentukan, menyampaikan arahan dan mengamalkan interaksi dengan para guru dalam proses kepimpinan. Amalan kepimpinan ini perlu disebarikan kepada para guru sama ada secara formal atau tidak formal.

Komuniti Pembelajaran Profesional Virtual

Atkins dan rakan-rakan (2017) menjelaskan komuniti pembelajaran profesional virtual sebagai satu rangkaian yang melibatkan pelbagai individu yang digabungkan melangkaui sumber dan geografi. Dalam erti kata yang lain mereka digabungkan secara atas talian. Dimensi komuniti pembelajaran profesional virtual yang terlibat dalam kajian ini merangkumi:

Domain Pengetahuan

Dimensi ini merujuk kepada kepentingan memiliki visi dan tujuan bersama. Selain itu, kualiti penyertaan bergantung kepada individu dan komitmen bersama atau perkaitan bahan komuniti dan komitmen ahli komuniti untuk turut serta bergantung dengan perkongsian nilai dan visi.

Interaksi Antara Ahli Kumpulan

Dimensi ini merujuk kepada ahli komuniti mengekalkan dan berkongsi keahlian dan kepimpinan bagi peningkatan amalan profesional menerusi pendekatan virtual.

Penilaian Kendiri

Dimensi ini merujuk kepada para guru yang memberikan refleksi untuk meningkatkan komitmen ahli komuniti. Refleksi amat penting bagi menilai kekuatan, kelemahan, dan penambahbaikan yang boleh diambil untuk memperbaiki diri sendiri dan rakan sekerja.

Pendekatan Pedagogi dalam Pembelajaran

Dimensi ini menjelaskan guru perlu memiliki tahap pengetahuan yang tinggi, kepelbagaian amalan pedagogi, mampu merancang aktiviti kumpulan yang ingin dijalankan dengan berkesan dan berbincang mengenai perkembangan setiap ahli kumpulan.

Motivasi Guru

Sinclair (2008) mendefinisikan motivasi guru sebagai daya tarikan yang mendorong guru untuk mengajar dan kekal dalam profesion keguruan. Dalam konteks kajian ini motivasi guru diertikan sebagai satu suatu proses atau daya yang mendorong, mengarahkan dan mempertahankan tingkah laku guru dalam mencapai sesuatu tujuan berdasarkan dua dimensi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi Intrinsik

Motivasi intrinsik merujuk kepada penglibatan diri guru dalam kelakuan tingkah laku sendiri bagi tujuan keseronokan, kepuasan, dan kepenuhan diri (McLachlan & Hagger, 2010). Motivasi intrinsik terdiri daripada dorongan dan minat guru untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa mengharapkan sebarang ganjaran.

Motivasi Ekstrinsik

Motivasi ekstrinsik merupakan rangsangan luaran yang bertujuan menggerakkan guru melakukan aktiviti yang membawa faedah kepadanya. Motivasi ekstrinsik digerakkan dengan memberi rangsangan dalam pelbagai bentuk seperti pujian, insentif, hadiah, gaji yang lebih tinggi, dan kenaikan pangkat (Mansfield & Volet, 2010).

Sorotan Literatur Kepimpinan Guru, Kepimpinan Distributif Pengetua, Komuniti Pembelajaran Profesional Virtual, dan Motivasi Guru.

Kajian berkaitan dengan kepimpinan guru, kepimpinan pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual dan motivasi sebenarnya sudah pernah dijalankan oleh para pengkaji tetapi bukan dalam konteks negara kita. Di negara kita kajian ini masih baru lagi. Hasil penulisan Rasberry dan Mahajan (2008) yang menjalankan kajian berkaitan dengan topik ini di Amerika menjelaskan langkah terbaik untuk menggalakkan kepimpinan guru menerusi komuniti pembelajaran profesional virtual adalah dengan memantapkan fungsi pengetua di sekolah dengan menggalakkan pengetua untuk berkongsi kepimpinan dengan mengamalkan kepimpinan distributif dengan para guru kerana dalam dunia pendidikan yang semakin kompleks, pengetua tidak akan dapat menjalankan fungsi pentadbiran sekolah secara bersendirian seperti yang dijelaskan Abdul Rashid dan Hashim (2018) dan Abdul Halim (2015), kepimpinan sekolah bukan lagi menjadi tanggungjawab pengetua sahaja, bahkan turut melibatkan subordinat lain di sekolah. Oleh itu, pengetua sekolah dicadangkan untuk menyediakan program yang berkaitan dengan komuniti pembelajaran profesional virtual yang dapat menggalakkan kepimpinan guru.

Kepimpinan pengetua yang efektif juga merupakan kunci dalam memotivasikan guru terhadap pembelajaran secara individu atau bersama (Emmanouil, Osia, & Paraskevi, 2014) kerana peranan pengetua amat penting bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan motivasi guru agar

dapat berfungsi dengan lebih cemerlang (Sinulingga, Suprayitno, & Pertiwi, 2019). Pernyataan ini disokong oleh Analisis data daripada kajian Sinulingga dan rakan-rakan (2019) melaporkan terdapat hubungan dan pengaruh antara kepimpinan pengetua dan motivasi terhadap profesionalisme guru yang merangkumi kepimpinan guru. Hasil kajian menunjukkan adanya hubungan dan pengaruh antara ketiga-tiga variabel ini di SMK Kabupaten Sedang Bedagai. Kajian ini selari dengan pendapat Daryanto (2015) yang menyatakan pengetua haruslah mengetahui motivasi yang diperlukan oleh guru dan berusaha untuk memenuhi keperluan tersebut.

Leimena, Siti Zulaikha, dan Heru Santosa (2020) yang melaporkan terdapat hubungan positif kepimpinan pengetua terhadap kepimpinan guru dan terdapat hubungan positif kepimpinan pengetua terhadap motivasi guru. Hal ini bermaksud kepimpinan pengetua akan memberi kesan terhadap motivasi guru yang seterusnya akan memberi kesan terhadap kepimpinan guru. Sebagai seorang model contoh di sekolah, guru tidak seharusnya hanya memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan berketerampilan tinggi sahaja, namun dalam masa yang sama guru haruslah mampu memberikan didikan kepada murid-murid dan mampu menjalankan tanggungjawabnya dengan berdedikasi dan didorong oleh motivasi yang tinggi.

Motivasi guru ini sangat penting untuk dimiliki oleh guru kerana guru merupakan sumber daya manusia yang berperanan terus kepada kemenjadian murid yang akan menentukan kejayaan dan kecemerlangan sekolah. Guru yang miskin dengan motivasi dan tidak memiliki semangat dalam menjalankan tugasnya dikhuatiri akan menyebabkan tujuan utama pendidikan yakni kemenjadian murid tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya (Leimena dan rakan-rakan, 2020). Tambahan lagi, kepimpinan guru yang mampu melahirkan kreativiti dan inovasi guru dapat memberikan suntikan motivasi kepada guru untuk lebih berprestasi dalam meningkatkan kepimpinan guru di sekolah. Sedar akan kepentingan motivasi ini, maka pengetua haruslah menjadi contoh yang baik kepada para guru.

Munawar, Sri Mifayetti, Zainuddin (2020) melaporkan terdapat pengaruh kepimpinan pengetua terhadap kinerja atau prestasi kerja guru terhadap kepimpinan guru. selain itu, hasil dapatan turut menunjukkan terdapat pengaruh motivasi terhadap kepimpinan guru. Para pengkaji menjelaskan motivasi guru merupakan faktor penting untuk meningkatkan kebolehan guru untuk bekerja. Oleh itu, kepimpinan pengetua yang baik mampu menyuntik motivasi dalam diri guru sehingga mereka boleh menjalankan tugas dengan cemerlang. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Septiana dan Ivada (2013) yang melaporkan terdapat pengaruh yang signifikan kepimpinan pengetua dan motivasi terhadap kepimpinan guru yang menjelaskan semakin baik kepimpinan pengetua dan motivasi maka semakin baik kepimpinan guru.

Mayan dan mansor (2020) menjelaskan pengetua sekolah memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan guru untuk mencapai prestasi sekolah yang lebih cemerlang. Bagi mencapai tujuan ini maka pengetua memerlukan pasukan kepimpinan yang sentiasa mampu untuk membantu melicinkan proses pengurusan dan pentadbiran di sekolah. Justeru itu, kepimpinan distributif sangat sesuai diaplikasikan di sekolah kerana menerusi kepimpinan ini perkongsian kuasa dilaksanakan dan menyaksikan guru mampu memberi sumbangan bagi kemajuan sekolah. Selain itu, pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional dapat menjadi satu bentuk lingkaran organisasi yang boleh mewujudkan kerjasama dalam kalangan guru. Hubungan kerjasama yang berkesan ini seterusnya akan menyuntik keyakinan dalam diri guru dan pemimpin sekolah untuk berusaha mencapai matlamat sekolah dengan lebih berkesan.

Metodologi Kajian

Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pemilihan pendekatan ini adalah berdasarkan objektif, soalan dan hipotesis kajian yang telah ditetapkan. Ahmed, Fadzil, dan Haib (2006) dan Piaw (2006) yang menjelaskan pendekatan kuantitatif sesuai digunakan dalam kajian yang menekankan ketepatan bukti dengan menggunakan data dan membuat analisa berbentuk nombor atau numerik seperti kajian yang akan dijalankan ini. Reka bentuk kajian merupakan satu perancangan tentang bagaimana sesuatu kajian dilaksanakan (Bogdan & Biklen, 2003). Perancangan ini bermula daripada langkah pertama sehinggalah langkah yang terakhir. Bagi kajian ini, reka bentuk kajian yang dipilih ialah reka bentuk kajian bukan eksperimen.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dalam kajian ini merupakan guru-guru sekolah menengah kebangsaan di negeri Sabah iaitu seramai 14 100 orang guru. Sampel dalam kajian ini pula adalah seramai 375 orang guru yang dipilih secara rawak mudah. Penentuan saiz sampel ditentukan dengan merujuk jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan.

Instrumen Soal Selidik

Instrumen kajian yang akan digunakan dalam kajian ini merupakan instrumen yang telah dibina oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tetapi diubah suai dan diadaptasi mengikut kesesuaian kajian ini. Instrumen kepimpinan guru diadaptasi daripada instrumen *Teacher Leadership Self-Assessment*, instrumen kepimpinan distributif pengetua diambil daripada instrumen *Distributed Leadership Readiness Scale*, instrumen komuniti pembelajaran profesional virtual daripada *Evaluation of Virtual Learning Community*, dan instrumen motivasi guru diambil daripada instrumen *Teacher Motivation Assessment Scale*. Kesemua instrumen ini akan melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan bagi memastikan instrumen-instrumen ini benar-benar sesuai digunakan dalam kajian ini.

Proses Analisa Data

Proses analisa data dijalankan dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) bagi mengkaji hubungan dan pengaruh antara variabel kajian. Manakala, *Analisis Lintasan menggunakan perisian AMOS (Analysis Moment of Structure)* digunakan untuk membuat analisis bagi menentukan peranan mediator di dalam kajian ini.

Rumusan

Tuntasnya, kepimpinan guru telah meletakkan dan menjadikan peranan guru semakin penting selaku penggerak utama dalam menentukan kejayaan sekolah. Namun begitu, pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah bukanlah satu hal yang mudah kerana perlu berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran. Sekiranya isu yang timbul ini tidak diselesaikan dengan baik maka usaha pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah tidak akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Itu, bagi menyelesaikan isu-isu ini maka kajian berkaitan dengan kepimpinan guru di sekolah menengah di Sabah akan dilaksanakan bagi melihat sama ada faktor kepimpinan distributif pengetua, komuniti pembelajaran profesional virtual, dan motivasi guru mempunyai kaitan dengan pelaksanaan kepimpinan guru di sekolah menengah atau sebaliknya dan hasil dapatan kajian ini nanti akan digunakan untuk memperkasa pelaksanaan kepimpinan guru sekolah menengah di negeri Sabah.

Penghargaan

Pengkaji ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu dalam penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Rashid., A. R., & Hashim., Z. (2018). The Influence of Distributed Leadership Towards Collective Teachers' Efficacy. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(21), 01-17.
- Abu Bakar, N., Basri, R., & Fooi, F. S. (2015). Hubungan Kepimpinan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *International Journal Of Education And Training (Injet)*, 1(2), 1-11.
- Ahmed, A., Fadzil, M., & Habib. A. R. (2006). *Kaedah Kajian Dalam Pendidikan*. Malaysia: Open University.
- Atkins, B., Koroluk, J., & Stranach, M. (2017). Canadian Teaching And Learning Centres On Facebook And Twitter: An Exploration Through Social Media. *Techtrends: Linking Research & Practice To Improve Learning*, 61(3), 253-262.
- Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research For Education: An Introduction To Theories And Methods* (4th ed.). New York: Pearson Education Group Publisher.
- Cheung, R., Reinhardt, T., Stone, E., & Little, J. W. (2018). Defining Teacher Leadership: A Framework. *Phi Delta Kappan*, 100(3), 38-44.
- Daryanto. (2015). *Pengelolaan Budaya Dan Iklim Sekolah*. Gava Media: Yogyakarta.
- Emmanouil, K., Osia, A., & Paraskevi-Ioanna, L. (2014). The Impact of Leadership on Teachers' Effectiveness. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(7), 3439.
- Gordon, Z., V. (2005). *The Effect Of Distributed Leadership On Student Achievement*. Unpublished Dissertation. New Britain, Connecticut, Central Connecticut State University.
- Gronn, P. (2002). Distributed Leadership As A Unit Of Analysis. *The Leadership Quarterly*, 3, 423-451.
- Hairon S., & Tan C. (2017). Professional Learning Communities In Singapore And Shanghai: Implications For Teacher Collaboration. *Compare: A Journal Of Comparative And International Education*, 47(1), 91-104.
- Hong, O. C., & Ismail, A. (2015). Sokongan Pihak Pengurusan Sekolah Terhadap Tekanan Kerja guru di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaann Cina. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2), 42-57.
- Ismail, K., Ishak, R., & Kamaruddin. S. R. (2020). Professional Learning Communities In Malaysian Schools: A Contemporary Literature Review. *Journal Of Educational Research*, 8(4), 1535 - 1541.
- Kagama, J. (2018). The School Curriculum And Its Influence On Teacher Motivation In Curriculum Implementation In Kenya. *Journal Of Culture And Values In Education*, 1(1), 9-25.
- Kamaruzaman, N. L., Musa, K., & Hashim, Z. (2020). Issues and Challenges in Teacher Leadership. *Malaysian Journal Of Social Sciences And Humanities(Mjssh)*, 5(10), 228 - 237.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, Laporan Tahunan, 2017*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Leimena, J. T., Zulaikha, S., & Santosa, H. (2020). Pengaruh Gaya Kepemimpinan Kepala Sekolah Dan Motivasi Terhadap Kinerja Guru Di Smk Negeri Kota Ambon Provinsi Maluku. *Visipena*, 11(2), 427-441.
- Mayan, M. P., & Mansor. M. (2020). Hubungan Antara Amalan Kepimpinan Distributif dengan Efikasi Kendiri dan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru di Kuala Lumpur: *Management Research Journal*, 9(2), 70-83.
- Munawar, Mifayetti, S., & Zainuddin, Z. (2020). Pengaruh Kepemimpinan Kepala Sekolah, Motivasi Kerja, Stres Kerja Terhadap Kinerja Guru Sma Negeri Kabupaten Bireuen. *Visipena*, 11(2), 304-315.
- Ngang, T. K., & Sulermutyrean, T. (2015). Kemahiran Insaniah Guru dan Penglibatan Guru dalam Membuat Keputusan Pengurusan Sekolah. *Sains Humanika*, 4(1), 75-82.
- Piaw. C. Y. (2006). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: Mcgraw Hill Companies.
- Rapanta, C., Botturi, L., Goodyear., P. Guardia, L., & Koole, M. (2020). Online University Teaching During And After The Covid-19 Crisis: Reinforcing Teacher Presence And Learning Activity. *Postdigit Sci Educ*, 2, 923-945.
- Raspberry, M. A., & Mahajan, G. (2008). From Isolation To Collaboration: Promoting Teacher Leadership Through Plcs. Center For Teaching Quality.
- Yaakub, M. S., & Mohd Hamzah, M. I. (2020). Kepimpinan Distributif Pemimpin Sekolah: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan*, 33(1), 10-20.